



NEGERI PERLIS

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERLIS GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 49

3hb Ogos 2006

No. 16

PELANTIKAN DI BAWAH PERKARA 42 PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

No. 37.

PELANTIKAN ANGGOTA JEMAAH PENGAMPUNAN

(MOHOR KERAJAAN)

SYED FAIZUDDIN PUTRA JAMALULLAIL

Pemangku Raja Perlis

BAHAWASANYA MENURUT KUASA DARI Fasal (5) Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan akan diadakan Jemaah Pengampunan pada setiap Negeri;

DAN BAHAWASANYA Jemaah Pengampunan hendaklah terdiri daripada Peguam Negara Persekutuan, Menteri Besar Negeri berserta tidak lebih dari tiga orang anggota lain yang akan dilantik oleh Raja Pemerintah;

DAN BAHAWASANYA terdapat kekosongan di dalam keanggotaan Jemaah Pengampunan Negeri Perlis;

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, BETA, SYED FAIZUDDIN PUTRA IBNI TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL, D.K., S.P.M.P., Pemangku Raja dan Pemangku Raja Pemerintah bagi

Negeri Perlis dan Jajahan Takluknya, mengikut Fasal (5) Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan DENGAN INI BERKENAN melantik Yang Berbahagia Dato' Ahmad bin Salleh, D.P.M.P., A.M.N., P.P.T., P.K.T., P.J.K., J.P., menjadi Anggota Jemaah Pengampunan Negeri Perlis bagi tempoh tiga tahun mulai 26 April 2006 hingga 25 April 2009.

MANAKALA DISAKSIKAN DARIPADANYA BETA telah menurunkan nama dan Cop Mohor Kerajaan pada 26 Jun 2006 bersamaan dengan 29 Jamadilawal 1427.

Dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia,

DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM, S.P.M.P., S.S.A.P., A.M.P.

Menteri Besar

Perlis

[SUK(Ps.) SULIT 1611]

PELANTIKAN DI BAWAH PERKARA 42
PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

No. 38.

PELANTIKAN ANGGOTA JEMAAH PENGAMPUNAN

(MOHOR KERAJAAN)

SYED FAIZUDDIN PUTRA JAMALULLAIL
Pemangku Raja Perlis

BAHAWASANYA MENURUT KUASA DARI Fasal (5) Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan akan diadakan Jemaah Pengampunan pada setiap Negeri;

DAN BAHAWASANYA Jemaah Pengampunan hendaklah terdiri daripada Peguam Negara Persekutuan, Menteri Besar Negeri berserta tidak lebih dari tiga orang anggota lain yang akan dilantik oleh Raja Pemerintah;

WARTA KERAJAAN NEGERI PERLIS

3hb Ogos 2006]

79

DAN BAHAWASANYA terdapat kekosongan di dalam keanggotaan Jemaah Pengampunan Negeri Perlis;

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, BETA, SYED FAIZUDDIN PUTRA IBNI TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL, D.K., S.P.M.P., Pemangku Raja dan Pemangku Raja Pemerintah bagi Negeri Perlis dan Jajahan Takluknya, mengikut Fasal (5) Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan DENGAN INI BERKENAN melantik Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani, S.M.P., A.M.N., P.J.K., J.P., menjadi Anggota Jemaah Pengampunan Negeri Perlis bagi tempoh tiga tahun mulai 26 April 2006 hingga 25 April 2009.

MANAKALA DISAKSIKAN DARIPADANYA BETA telah menurunkan nama dan Cop Mohor Kerajaan pada 26 Jun 2006 bersamaan dengan 29 Jamadilawal 1427.

Dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia,

DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM, S.P.M.P., S.S.A.P., A.M.P.

Menteri Besar

Perlis

[SUK(Ps.) SULIT 1611]

PELANTIKAN DI BAWAH PERKARA 42 PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

No. 39.

PELANTIKAN ANGGOTA JEMAAH PENGAMPUNAN

(MOHOR KERAJAAN)

SYED FAIZUDDIN PUTRA JAMALULLAIL
Pemangku Raja Perlis

BAHAWASANYA MENURUT KUASA DARI Fasal (5) Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan akan diadakan Jemaah Pengampunan pada setiap Negeri;

DAN BAHAWASANYA Jemaah Pengampunan hendaklah terdiri daripada Peguam Negara Persekutuan, Menteri Besar Negeri berserta tidak lebih dari tiga orang anggota lain yang akan dilantik oleh Raja Pemerintah;

DAN BAHAWASANYA terdapat kekosongan di dalam keanggotaan Jemaah Pengampunan Negeri Perlis;

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, BETA, SYED FAIZUDDIN PUTRA IBNI TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL, D.K., S.P.M.P., Pemangku Raja dan Pemangku Raja Pemerintah bagi Negeri Perlis dan Jajahan Takluknya, mengikut Fasal (5) Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan DENGAN INI BERKENAN melantik Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Paduka Dr. Mazlan bin Ahmad, P.S.M., D.S.P.J., P.J.N., D.P.M.P., D.S.D.K., J.M.N. menjadi Anggota Jemaah Pengampunan Negeri Perlis bagi tempoh tiga tahun mulai 26 April 2006 hingga 25 April 2009.

MANAKALA DISAKSIKAN DARIPADANYA BETA, telah menurunkan nama dan Cop Mohor Kerajaan pada 26 Jun 2006 bersamaan dengan 29 Jamadilawal 1427.

Dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia,

DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM, S.P.M.P., S.S.A.P., A.M.P.

*Menteri Besar
Perlis*

[SUK(Ps.) SULIT 1611]

KANUN TANAH NEGARA
(Akta 56 tahun 1965)

No. 40.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH-PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Maslina binti Che Lin @ Halim, Pentadbir Tanah pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah ini:

WARTA KERAJAAN NEGERI PERLIS

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

(a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 29 Ogos 2006 pada 10.00 pagi di Jabatan Tanah dan Galian Negeri Perlis; dan

(b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM25,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Lima Ribu Sahaja).

2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada *pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM29,712.72. Nama pemegang gadaian—Bumiputra-Commerce Bank Bhd.

3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

(a) penawar memiliki jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas—RM2,500.00 (Ringgit Malaysia Dua Ribu Lima Ratus Sahaja);

(b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;

(c) di mana amaun harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—

(i) maka, jumlah wang yang dinyatakan di dalam perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian dibayar; dan

(ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah wang yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah wang yang kena bayar kepada pemegang gadaian;

(d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada Satu Ratus Dua Puluh Hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 26 Disember 2006 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah dinyatakan; dan

(e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Chuping. No. Lot/Petak/P.T.—PT 1753. Jenis dan No. Hakmilik—HS(M) 963. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Pers. No. 352/1989 Jilid 1 Folio 83 (Satu Hakmilik Sahaja).

Bertarikh 20 Jun 2006
[PTG(Ps.)(R) 1/80 F 559(30)]

MASLINA BINTI CHE LIN @ HALIM
*Penolong Pentadbir Tanah
Perlis*

No. 41.

Saya, Maslina binti Che Lin @ Halim, Pentadbir Tanah pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 29 November 2006 pada 10.00 pagi di Jabatan Tanah dan Galian Negeri Perlis; dan
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM98,000.00 (Ringgit Malaysia Sembilan Puluh Lapan Ribu Sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada *pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM94,860.95. Nama pemegang gadaian—Bumiputra-Commerce Bank Bhd.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas—RM9,800.00 (Ringgit Malaysia Sembilan Ribu Lapan Ratus Sahaja);
 - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
 - (c) di mana amaun harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
 - (i) maka, jumlah wang yang dinyatakan di dalam perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian dibayar; dan

WARTA KERAJAAN NEGERI PERLIS

-
- (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah wang yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah wang yang kena bayar kepada pemegang gadaian;
 - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada Satu Ratus Dua Puluh Hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 29 Mac 2007 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah dinyatakan; dan
 - (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutkan dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Wang Bintong. No. Lot/Petak/P.T.—PT 1713. Jenis dan No. Hakmilik—HS(M) 1444. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Pers. No. 1431/2004 (Satu Hakmilik Sahaja).

Bertarikh 22 Jun 2006
[PTG(Ps.)(R) 1/80 F 1494(9)]

MASLINA BINTI CHE LIN @ HALIM
Penolong Pentadbir Tanah
Perlis

No. 42.

Saya, Mhd. Noor bin L. Daud, Pentadbir Tanah pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 23 November 2006 pada 10.00 pagi di Jabatan Tanah dan Galian Negeri Perlis; dan
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM40,000.00 (Ringgit Malaysia Empat Puluh Ribu Sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada *pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM37,979.29. Nama pemegang gadaian—Southern Bank Bhd.

3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (a) penawar memiliki jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas—RM4,000.00 (Ringgit Malaysia Empat Ribu Sahaja);
- (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
- (c) di mana amaun harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
 - (i) maka, jumlah wang yang dinyatakan di dalam perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian dibayar; dan
 - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah wang yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah wang yang kena bayar kepada pemegang gadaian;
- (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada Satu Ratus Dua Puluh Hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 22 Mac 2007 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah dinyatakan; dan
- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutkan dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Kuala Perlis. No. Lot/Petak/P.T.—PT 4442. Jenis dan No. Hakmilik—HS(M) 2404. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Pers. No. 1073/2002 (Satu Hakmilik Sahaja).

Bertarikh 6 Julai 2006
[PTG(Ps.)(R) 1/80 F 1461(13)]

MHD. NOOR BIN L. DAUD
Penolong Pentadbir Tanah
Perlis

WARTA KERAJAAN NEGERI PERLIS

3hb Ogos 2006]

85

No. 43.

(Seksyen 261)

SAMAN-SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Hasilah binti Hamid yang beralamat di A-2-6, Vista Amani, Jalan Tasik Permaisuri 3, Bandar Tun Razak, 56000 Kuala Lumpur, penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah dan Galian, Perlis pada hari Selasa 15 Ogos 2006 jam 10.00 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Utan Aji. No. Lot/Petak/P.T—PT 3160. Jenis dan No. Hakmilik—HS(M) 2756. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Pers. No. 825/2001 (Satu Hakmilik Sahaja).

Bertarikh 13 Jun 2006
[PTG.(Ps.)(R) 1/80 F 1362(6)]

MASLINA BINTI CHE LIN @ HALIM
*Penolong Pentadbir Tanah
Perlis*

No. 44.

Kepada Julianita binti Hassan yang beralamat di Batu No. 11, Lorong Dahlia 17, Taman Ira, 01000 Kangar, Perlis, penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah dan Galian, Perlis pada hari Khamis 3 Ogos 2006 jam 10.30 pagi.

WARTA KERAJAAN NEGERI PERLIS

86

[3hb Ogos 2006]

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Sena. No. Lot/Petak/P.T—PT 4520. Jenis dan No. Hakmilik—GM 2082. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Pers. No. 79/2004 (Satu Hakmilik Sahaja).

Bertarikh 6 Julai 2006
[PTG.(Ps.)(R) 1/80 F 1532(5)]

MHD. NOOR BIN L. DAUD
Penolong Pentadbir Tanah
Perlis

Hakcipta Pencetak 

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiaran dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
CAWANGAN ALOR STAR
BAGI PIHK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA